



EDISI



www.mais.gov.my

# INFLUENCER MERO SAKKAN ?



"Saya  
Influencer  
Sukses"

Ms 5

'Digital Drug'  
Ketagihan Yang  
Membimbangkan

Ms 8

Pengaruh  
Pempengaruh  
Dalam Masalah  
Rumah Tangga

Ms 9

## Kata-Kata Hikmah

Diam itu lebih baik dan bercakap bila perlu serta menyebarkan maklumat yang bermanfaat sahaja. Kita hendaklah menjaga lisan dengan baik dan bijak supaya dilindungi dan diredhai Allah SWT di dunia dan akhirat.

Dr. Che Mad



15 SOALAN  
ZAKAT  
FITRAH

Ms 17






# Lupuskan Hasil Dividen AKAUN KONVENTSIONAL KWSP Anda

**AMAUN PENYUCIAN DIVIDEN** adalah mengikut **KADAR TIDAK PATUH SYARIAH** yang diumumkan oleh pihak KWSP daripada **DIVIDEN SIMPANAN KONVENTSIONAL** tahun terlibat bagi ahli KWSP beragama Islam yang masih belum membuat pertukaran ke Simpanan Shariah.

## KADAR PENYUCIAN DIVIDEN KONVENTSIONAL KWSP



### Contoh Pengiraan:

- JUMLAH DIVIDEN SIMPANAN KONVENTSIONAL 2023: RM1,000
- JUMLAH DIVIDEN YANG PERLU DISUCIKAN: RM1,000 x 66% = RM660

SUMBER INFO: KWSP



## JOM BERALIH KE AKAUN PATUH SYARIAH

Lupuskan Di Baitulmal, MAIS  
No. Akaun BIMB : 1203-8010-0956-76

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:  
**Bahagian Dakwah & Pemasaran**  
**010-251 9556 / 03-5514 3772**



IMBAS & LUPUS



Majlis Agama Islam Selangor @ mais\_officialhq maisgovmy

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



Sidang Editorial  
**EDISI**

**KETUA PENGARANG**  
Noormala binti Mohd Sa'ad

**PENGARANG**  
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

**EDITOR**  
Salawati binti Hamid

**SUBEDITOR/PRUF**  
Norzaili bin Taib

**KOLUMNIS**  
Hamizul bin Abdul Hamid  
Halim bin Mokhtar  
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Hasal bin Senin  
Shahrul Effendy bin Md Saat  
Maryam binti Md Zain  
Mohamad Shukry Bin Sulaiman  
Mohammad Salleh Bin Abdul Saha  
Muhamad Rafee Bin Rahman

# INFLUENCER, MERO SAKKAN?



Oleh: Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**T**ahun 1990-an, Malaysia menerima kehadiran internet. Dunia kita pun menjadi sebuah ‘perkampungan terbuka’ (*global village*). Dunia ‘tanpa sempadan’ yang telah menjadikan kita mampu berhubung ke mana sahaja. Kutub Utara ke Kutub Selatan, melihat wajah, mendengar suara dan itu semua berlaku hanya dalam hitungan saat, dengan satu sentuhan di skrin tipis.

Kecanggihan teknologi berdampak besar kepada kehidupan. Daripada blog yang kaku, manusia menghantar video melalui Facebook dan Youtube. Kini kita mampu melakukan lintas langsung (*live*) dari mana pun, asalkan ada jaringan internet dan ada hand phone di tangan. Aplikasi *X* (dulu *Tweeter*), *Instagram* dan *Tiktok* menjadikan semua orang bisa *live*, mengalahkan media lama radio dan TV.

Akhirnya wujudlah satu fenomena ‘ajaib’ disebut *influencer* (pempengaruh), iaitu individu atau kumpulan yang mampu menjana perubahan kepada orang lain. Dulunya *influencer* ini didominasi kalangan artis popular, kini ia juga dikuasai para *influencer* dari kalangan orang biasa. Mereka mencipta pengaruh dengan kemampuan dan keunikan tersendiri. Khairul Aming misalnya, sehingga Oktober 2023 berjaya mengumpulkan lebih 3.7 juta pengikut di *Instagram*.

Namun begitu, kemunculan para *influencer* ini ada pro dan kontranya. *Tiktok* misalnya, laju berevolusi menjadi aplikasi terhangat di tangan manusia, bersama-sama pengaruh negatif dan positif di sisinya. Ada orang ke masjid kerana terkesan dengan *influencer*, dan ada orang membuka aurat juga terkesan dengan *influencernya*.


Maka, apakah peranan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan seluruh agensi agama di dalam isu ini? Adakah sekadar menjadi penonton sepenuh masa?

Hakikatnya, MAIS dan agensi di bawahnya turut menerima kesan positif ataupun negative ini. Kala *influencer* tidak berpuas hati dengan sesuatu tindakan MAIS, maka ia diluahkan lewat media sosial dan mengundang kecaman tanpa henti. Tidak bersetuju dengan fatwa misalnya, langsung dikritik. Padahal, belum tentu apa yang dikritik dan menjadi viral itu betul faktanya.

Namun bersyukurlah, dalam gemuruh suara para *influencer* itu, masih ramai *influencer* yang berhati nurani bersih dan berakal waras. Mereka menjadi lisani yang menjernihkan keadaan. Memahamkan umat menerusi perbahasan agama yang benar dan tidak menyesatkan. Memberikan fakta dan bukan naratif palsu yang bersifat menunggang auta dan cereka belaka.

Mendepani gelombang *Influencer* ini, maka kami di EDISI cuba memberanikan diri menerobos ke sisi lain dunia *influencer*, meninjau dan memerhatikan apakah ada peranan MAIS dan agensi di bawahnya yang dapat dimanfaatkan dalam mendepani arus baharu dunia internet ini. Benarkah *influencer* itu merosakkan, atau sebenarnya mereka adalah ejen pembawa dan penegak kebenaran?

Ayuh, kita gali bersama-sama. **Edisi**



# TITIK TEMU *INFLUENCER* DAN MAIS



Oleh: **Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid** ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,  
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**M**AIS adalah pihak yang menggubal polisi dan peraturan dan MAIS telah membuka ruang yang sangat luas kepada semua umat Islam, sama ada sebagai individu maupun persatuan (NGO) misalnya untuk menjadi pendakwah yang menyebarkan kebaikan. Sebarkanlah kebaikan itu melalui apa sahaja cara dan wadahnya, termasuklah menjadi seorang *influencer*. Silakan.

Namun begitu, jika bimbang tersasar, maka MAIS menyediakan tauliah kepada mereka yang mahu dirinya diiktiraf sebagai *influencer* yang berilmu. Benar, tidak ada keperluan memiliki tauliah untuk menjadi seorang *influencer*; namun ketika mana seorang *influencer* itu bercakap di Tiktok secara live dan dia adalah seorang pemegang tauliah, di sisinya ada dua kelebihan. Pertama, ilmunya diiktiraf di sisi agama. Kedua, dia bertanggungjawab memelihara keabsahan ilmu itu sifatnya sebagai pemegang tauliah.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sendiri dalam isu ini sentiasa memantau perkembangan dakwah di media sosial, termasuklah *influencer*. Jika ada pihak yang manafikan fatwa yang telah pun diwartakan, mereka boleh dikenakan dakwaan menghina fatwa. Sekali lagi, *influencer* akan lebih terkawal aksinya ketika sedar diri mereka berada dalam radar JAIS. Tidaklah mereka bebas mengkritik lalu mengabaikan segala batas susilanya.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) sendiri bersifat positif dengan para *influencer* ini. Dahulu, para *influencer* sering bersifat negatif dengan LZS, malah dengan semberono melemparkan pelbagai tuduhan hanya berdasarkan persepsi dan dugaan bahawa LZS tidak adil dan pincang mengagihkan zakat. Kini ia sudah berubah dan LZS menjadikan para *influencer* ini sebagai rakan dan sahabat yang baik.

Mereka diberikan kefahaman yang sebenar tentang pengurusan zakat, khususnya etika dalam pengurusan agihan zakat, termasuklah upaya pemalsuan data oleh para pemohon dan banyak sisi 'kelam' lain dalam urusan agihan zakat yang sukar dikongsikan. Kesannya, mereka kini membela LZS di Selangor, menjadi *influencer* yang bermanfaat.

Dalam perkembangan lain, ramai dalam kalangan asatizah yang berkhidmat secara rasmi di MAIS, JAIS, LZS dan pelbagai agensi lain telah memanfaatkan status *influencer* untuk menyebarkan kefahaman agama dengan tampil secara solo di *Tiktok*, *Facebook* atau *Instagram* dan berusaha menjernihkan pelbagai salah faham umat kepada hukum agama dan pengurusan agama. Kesannya, ia telah menghilangkan banyak kesangsian umat kepada pihak berkuasa agama di Selangor, khususnya kepada MAIS dan agensi-agensinya.

Kesimpulannya, menjadi *influencer* adalah satu kesempatan membuat amal. Jika *influencer* berkongsi kebaikan, misalnya rasa tenang selepas menunaikan zakat dan berkatnya hidup setelah berwakaf, ia pastilah menghasilkan seribu satu kebaikan yang sukar digambarkan, memotivasi orang lain untuk beramal soleh. Pahala pastinya buat dia.

Namun, jika *influencer* tanpa segan silu menanggalkan tudung kepala setelah sekian lama berhijab, dengan alasan enggan menjadi hipokrit bertudung tetapi pada masa yang sama tidak ikhlas kepada Allah SWT, pastilah ia bencana. Berapa ramai pengikutnya akan keliru dan tidak mustahil, ada yang meniru dengan justifikasi yang tiada asasnya. Kita di Malaysia memang dihadapkan dengan situasi ini. Ia bukanlah khayalan.

Maka, marilah kita menjadi *influencer* yang baik. Banyak contohnya di depan mata. 'Subuh seperti Jumaat' oleh Alif Satar, memelihara alam seperti Pandawara Grup dan banyak lagi. *Influencer*, baik atau buruk akan ada penghisabannya di akhirat sana. Wallahu'lam. **Edisi**



# Farhatul Fairuzah Kongsi Tips Jadi *Influencer* Sukses



Oleh: Shahru Effendy Bin Md Saat ([fendy@mais.gov.my](mailto:fendy@mais.gov.my))  
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, MAIS

**S**iapa yang tidak kenal dengan Juara Tilawah Al Quran peringkat antarabangsa iaitu Nor Farhatul Fairuzah. Farhatul Fairuzah lebih dikenali ramai apabila selepas memasuki pertandingan tersebut serta telah memartabatkan nama negara di peringkat antarabangsa apabila merangkul gelaran juara.

Selain aktif sebagai pengacaraan dalam rancangan Islamik, penuntut pengajian Pendidikan Al-Quran dan Al Sunnah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia ini banyak menjadikan platform media sosial seperti TikTok dan Instagram untuk membangkitkan rasa cinta remaja lain kepada Al-Quran.

Memiliki lebih 915,000 pengikut *TikTok* dan sejuta lebih pengikut di laman *Instagram* sekaligus menjadikan Farhatul sebagai seorang *influencer* yang dikenali ramai terutama nilai-nilai dan perkongsian positif yang ditonjolkan ternyata memberi inspirasi.

Baru-baru ini penulis berkesempatan mengadakan temubual dengan beliau, menyingskap serba sedikit tentang dirinya sebagai personaliti TV, pelajar dan *influencer* yang dikenali ramai.

**EDISI MAIS:** Boleh ceritakan serba ringkas perkembangan terkini Farhatul?

**FARHATUL:** Saya masih seorang pelajar dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Sunnah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), tinggal beberapa bulan sahaja akan tamat, InsyaAllah saya ada impian untuk menyambung pengajian Master dalam bidang Al-Quran juga. Selain itu saya kini bergiat aktif dalam memenuhi jemputan program-program televisyen dan juga program keagamaan terutama program Al-Quran dan motivasi untuk anak-anak muda.

## BIODATA:

Nama: Nor Farhatul Fairuzah binti Panut

Tarikh Lahir: 19 Mei 2000

Asal: Sepang, Selangor

Adik Beradik: Anak bongsu dari 5 adik beradik

Latar Belakang Pendidikan: Sekolah Rendah Sungai Rawang, Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi, Sekolah Agama Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan (SMAPL) - Syariah, Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - masih dalam pengajian

## ANUGERAH/PENCAPAIAN:

2022 - Ahli Mahkota Selangor (A.M.S), "Top Rising Achievement Award In Al-Quran Recitation (Tilawah)"

2021-2022 - Ikon Dakwah Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM)

2021 - Ikon Kemanusiaan Cinta Syria Malaysia

2019 - Johan Qariah Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQA)

2014 - 2017 - Juara Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan

Farhatul seorang pelajar, personaliti TV dan influence. Boleh kongsikan tips untuk jadi pempengaruh yang sukses?

Ya, saya masih lagi seorang pelajar dan dalam masa yang sama aktif dalam media sosial serta program televisyen. Kesemuanya bukan mudah untuk kita bahagikan masa dan saya cuba sebaiknya. Untuk tips, bukan mudah untuk jadi influence yang sukses, mungkin orang hanya melihat sisi *famous* sahaja, tetapi kita perlu bijak dan berilmu pengetahuan. Tidak salah untuk jadi *influencer* kepada masyarakat terutama golongan remaja, namun seharusnya memberi manfaat kepada orang lain.

Alhamdulillah, Farhatul mendapat pelbagai anugerah pencapaian dan antaranya ialah juara Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan selama empat tahun berturut-turut pada 2014, 2015, 2016 dan 2017. Bagaimana Farhatul mendalami bacaan Al-Quran dan apakah rahsianya?

Saya belajar Al-Quran dan Tarawih pada usia 5 tahun dan menyertai pertandingan tilawah pada usia 7 tahun. Ibu dan arwah ayah merupakan qari dan qariah. Daripada situ tercetusnya ingin mendalami Al-Quran dengan sebaiknya. Saya mendalami dengan membaca Al-Quran setiap kali solat fardhu dan amalan membaca Al-Quran 15 minit selepas solat untuk 'lunakkan suara'. Nak capai sesuatu anugerah bukan mudah, saya bersyukur sangat-sangat dan yang penting adalah kesabaran, berusaha dengan sebaiknya serta tawakal kepada Allah dan yang paling penting adalah keberkatan doa dari ibu bapa kita. Itulah rahsianya, kita perlu berdoa untuk ibu bapa kita dan mintalah doa kepada mereka untuk kita berjaya dunia dan akhirat.

Farhatul adalah salah seorang pelajar tajaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sehingga kini. Apakah bantuan tajaan yang diterima?

Alhamdulillah, pertama sekali saya bersyukur kepada Allah SWT atas rezekiNya. Saya nak ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) kerana telah menaja yuran pengajian saya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sehingga kini. Bantuan tajaan yang saya terima adalah sumbangan keseluruhan bantuan pelajaran Program Pengajian Ijazah Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pesan Farhatul kepada pelajar-pelajar di luar sana untuk berjaya dalam kehidupan?

Kalau nak bagi pesanan ni saya pun masih lagi belajar dan belum layak lagi. Tapi berdasarkan pengalaman yang saya ada, untuk berjaya ni bukanlah mudah dan perlukan pengorbanan. InsyaAllah yakin pada diri sendiri, kejayaan akan datang pada satu hari nanti. Teruskan berusaha sentiasa bersemangat serta berpikiran positif dalam apa jua keadaan sekalipun. **Edisi**



# ABAI ILMU DEMI GLAMOUR



Oleh: Mohamad Shukry Bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)  
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor



**B**aru-baru ini, kita dide dahakan dengan data yang dibentangkan oleh Menteri Pendidikan, YB. Puan Fadhlina Sidek yang memaklumkan seramai 180,680 atau 48.74 peratus pelajar lepasan SPM sesi persekolahan 2021 memilih untuk tidak menyambung pengajian ke universiti atau kolej. Daripada jumlah berkenaan, mereka membuat pilihan untuk terus bekerja, termasuk antaranya, menjadikan *influencer* (pempengaruh) sebagai kerjaya pilihan.

Kehidupan mewah dan kerjaya yang *glamour* dipercayai antara penyebab ramai anak muda, khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), terpukau dengan karier sebagai pempengaruh sehingga sanggup mengetepikan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Hakikatnya, dunia *glamour* awangan yang kebelakangan ini dilihat menjadi dambaan ramai remaja belasan tahun, hakikatnya tidak dapat menjamin masa depan mereka dengan lebih cemerlang. Pada masa sama, keputusan golongan pelapis modal insan ini di lihat boleh mendatangkan risiko kepada memegang negara kekurangan tenaga kerja berkemahiran dan profesional kepada negara pada masa akan datang.

Tidak dapat disangkal, gaya hidup mewah yang ditonjolkan oleh pempengaruh menerusi akaun media sosial mereka merupakan antara faktor golongan remaja lepasan sekolah ini terbabit ingin menceburii bidang *glamour* ini. Siapa yang tidak mahu dalam sekilip mata sahaja mampu menjana pendapatan mewah. Sudah pasti kemunculan kelompok ini di khalayak akan menjadi tumpuan bualan ramai. Sewajarnya perkara ini signifikan diberi tumpuan oleh pelbagai pihak kerana terdapat salah tanggap di kalangan kelompok ini bahawa dunia *glamour* akan kekal dan mampu menjana kekayaan segera seperti yang diimpikan.

Bagi mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dianggap sebagai perkara biasa dan segulung ijazah bukan jaminan mendapat pekerjaan yang baik.

Selain itu, pernyataan kalangan generasi muda juga berkumandang bahawa proses pembelajaran itu sendiri bukan satu proses yang menyeronokkan selain menyedari lulus SPM ataupun universiti tidak menjamin mereka mendapat pekerjaan yang setimpal.

Faktor persekitaran, iaitu apabila banyak peluang pekerjaan seperti e-panggilan, pempengaruh yang digambarkan sebagai menjana pendapatan yang banyak, membuatkan mereka terpengaruh untuk turut menyertai bidang tersebut.

Dunia sentiasa berubah dari semasa ke semasa tetapi dengan ilmu, semua orang mampu pergi jauh dalam kerjaya. Mungkin suatu hari nanti orang tidak melihat YouTube, Instagram, Tik Tok dan semua perkara digital lainnya. Dan apabila segala-galanya berubah, mereka akan kehilangan pekerjaan mereka. Faktor usia juga boleh memamah dunia *glamour* yang mereka kecapi. Mungkin mereka boleh jadikan kerjaya *influencer* sebagai minat dan mendapatkan pendapatan sampingan.

Adalah sangat perlu pempengaruh remaja ini jangan merosakkan imej islam dan terus hanyut dalam dunia *glamour* apatah lagi cuba melawan perintah Allah. Berhati hatilah saat dunia sementara ini, nikmat kecantikan, kemashyuran, atau dunia *glamour* ini hanyalah bersifat sementara sahaja.

Jika kalian merasa hebat dengan kemashyuran kalian, tidak kemana pun kemashyuran saat nyawa di kerongkongan itu!! Allah tidak pernah menganugerah ketenangan dan kebahagian dari kemaksiatan.

## KELEBIHAN MEMILIKI ILMU

Al Imam Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: "Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinhah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya.

(Riwayat Muslim)

Di dalam hadith ini mengandungi pelbagai jenis ilmu, kaedah-kaedah dan adab-adab. Antaranya menceritakan akan kelebihan menuntut ilmu dan sentiasa sibuk dengan ilmu syarie dengan syarat niatnya adalah kerana Allah SWT.

Beginu juga banyak lagi hadith-hadith lain yang menceritakan akan kelebihan orang-orang yang menuntut ilmu. Tambahan pula, kita perlulah sentiasa membetulkan niat kita dalam setiap perkara yang kita lakukan di atas dunia ini terutamanya kalangan remaja.

## Firman Allah SWT

"Allah akan meninggikan derajat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa derajat". [al-Mujadalah:11]

Tambahan, dengan masyarakat yang berilmu, ia melahirkan individu yang berdaya saing, mampu memimpin manusia kepada kebenaran, mendekatkan masyarakat kepada kebaikan, merealisasikan kemaslahatan dan mencegah kerosakan serta mewujudkan masyarakat yang bertamadun sepertimana zaman kegemilangan Islam terdahulu.

Marilah kita semua bangkit dan berlumba-lumba untuk mendapatkan ilmu. Walaupun kita sudah tamat pengajian tapi mencari ilmu jangan kita berhenti begitu sahaja terutamanya mendalamai ilmu agama dan juga ilmu keduniaan. Apa yang penting ialah tanggungjawab kita ialah menuntut ilmu sehabis-habisnya. **Edisi**

# ADA APA DENGAN INFLUENCER?



Oleh: Dr. Halim Bin Mokhtar ([halim@uis.edu.my](mailto:halim@uis.edu.my))

Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

**S**ekonyong-konyong kita dikejutkan dengan kejayaan seorang *influencer* yang berjaya mencipta rekod jualan RM1 juta dalam masa 3 minit 39 saat dan berjaya mencapai tontonan live seramai 3.3 juta orang. Sesuatu yang sangat luar biasa. Itulah kejayaan seorang *influencer* atau dalam Bahasa Melayu dikenali sebagai "pempengaruh" atau di media sosial dikenali dengan jolokan 'bintang media sosial' setiap 'posting' yang di update atau dicicip, pasti mendapat ribuan viewers dari followers.

Hakikatnya masyarakat pada hari ini banyak bergantung dengan media sosial dan sudah pasti *influencer* merupakan ikon yang penting dan menjadi perhatian masyarakat dengan niche atau identiti yang dikenali antaranya dalam bidang marketing, traveling, pendidikan, dakwah, perniagaan, kesihatan, hiburan, makanan, fesyen, dan berbagai gaya hidup terkini. Tak kurang juga yang memberikan ruang peribadi kehidupan untuk dikongsikan bersama followers yang sentiasa mengikuti rapat apa sahaja konten yang dihidangkan.

Tiada halangan untuk tampil sebagai seorang *influencer*, namun apa yang paling penting adalah mestilah memiliki prinsip, bertanggungjawab serta mempunyai *value* dalam mencipta konten dengan bersandar kepada ilmu, adab, akal, budaya dan agama bagi menonjolkan diri dan mencerdikkan ummah menerusi hidangan konten yang berkualiti bukan menghasilkan konten yang memalukan diri dan bersifat kontroversi.

Nilai tanggungjawab untuk membudayakan teras ilmu dalam mencipta *content* yang mempunyai keabsahan intelektual adalah penting bagi mengelakkan masyarakat terkeliru dengan sebarang fakta yang dibawa dan bukannya bersifat 'palatao' yang tidak berteraskan fakta malah perkara yang boleh menyalahi normalisasi budaya timur serta bercanggah dengan adab Islam.

Teras intelektual ini sangat penting dalam mendepani kepelbagaiannya cabaran dan semestinya *influencer* adalah platform yang terbaik untuk menyinari informasi berfakta dan terkini, menyahkan segala maklumat palsu dan fitnah. Oleh itu *Influence* mesti menguasai dan mengutamakan ilmu kerana perubahan boleh dicapai dan dirancang melalui bidang pendidikan, inovasi dan teknologi yang sangat diperlukan bagi membentuk generasi muda negara yang berkualiti.

Islam sangat menggalakkan usaha dakwah dengan mengajak manusia melakukan kebaikan dengan menyiaran saranan, nasihat atau perbuatan baik sehingga menyebabkan ianya terkesan untuk melaksanakan kebaikan tersebut. Maka di sinilah peranan *influencer* untuk sentiasa mengajak melakukan kebaikan dengan perkongsian yang bermanfaat dan mematuhi ajaran Islam. Jangan mempamerkan dan menganjurkan perkara keburukan atau mengungkapkan sesuatu yang negatif yang bertentang dengan Islam kerana setiap perbuatan akan dipertanggungjawabkan. Asasnya setiap kebaikan akan mendapat pahala dan setiap keburukan akan mendapat dosa.

*Influencer* mesti menuntut Ilmu secara formal atau tidak formal. Ilmu itu memimpin. Ilmu adalah pemimpin yang hakiki penimbang antara benar dengan batil, baik dengan buruk dan antara tulen dengan semu. Membimbing manusia dengan ilmu membentuk pradigma masyarakat untuk membezakan perkara yang baik dan perkara yang dilarang. Kepada anak muda jika memilih menjadi pendidikan jangan diabaikan.

Kesimpulannya *influencer* merupakan anugerah yang terhebat daripada Allah. Kekuatan dan bakat yang dimiliki mampu mempengaruhi dan mengajak manusia. Oleh itu alangkah indahnya sekiranya dapat membantu mempromosi program-program khidmat ummah contohnya mengajak solat berjemaah di Masjid, memperkasa tanggungjawab mengeluarkan zakat bersama Lembaga Zakat Selangor, menyertai skim wakaf bersama Perbadanan Wakaf Selangor dan melanjutkan pengajian tinggi di Universiti Islam Selangor (UIS) serta apa sahaja program yang bermanfaat untuk membantu ummah. Semoga usaha yang nirmala ini akan mewarnai pembangunan ummah yang cemerlang di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Teruskan *like*, *follow* dan *share* untuk *content* yang menuju perkara kebaikan dan bermanfaat. Jangan ketinggalan. Luaskan minda dan teruslah melangkah ke hadapan dengan ilmu untuk memelihara maqasid Syariah dan menyeru manusia ke jalan hidayah membawa ke syurga. Jadikan ilmu asas kejayaan, redha Allah jadi idaman dan kemurkaan Allah jadi sempadan. Ingatlah pesanan Rasulullah SAW yang bermaksud "*Barangsiapa yang menunjukkan sesuatu kebaikan maka dia mendapat pahala sama seperti yang melakukannya*. (Riwayat Muslim) #influencerberilmu #jomberdakwah Edisi



# 'DIGITAL DRUG' KETAGIHAN YANG MEMBIMBANGKAN



Oleh: Noormala Binti Mohd Saad ([noormala@mais.gov.my](mailto:noormala@mais.gov.my))  
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS



**A**mir dah pukul 12.00 malam ni, kenapa masih tidak tidur lagi? Asyik mengadap telefon sahaja. Esok nak ke sekolah, mulalah malas, letih dan mengantuk," rungut si ibu apabila anaknya leka dengan telefon pintar melayari media sosial kegemaran.

Situasi ketagih dan leka melayari media sosial amat membimbangkan. Lebih-lebih lagi apabila sikap ini menyebabkan seseorang itu telulu obses sehingga membuang masa melihat pempengaruh, permainan internet, video dan sebagainya.

Lebih menggusarkan keadaan ini juga boleh mendorong kepada perbuatan jenayah seperti jenayah seksual terhadap kanak-kanak, rogol, kerosakan akidah, penipuan cinta siber, penipuan dalam talian, gangguan siber, kecurian identiti, buli siber sehingga mengakibatkan kerugian serta kemudaratian.

Bukan sekadar ketagih sebagai pengguna, malahan ketagih pula ingin menjadi pempengaruh mencari *view* dan tanda suka yang tinggi untuk mencari perhatian. Ada juga yang sanggup mencipta pelbagai kandungan tanpa mengira adap dan etika, semata-mata ingin mencari *view* yang tinggi.

Hasil kajian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2018 menunjukkan golongan belia telah terjebak dengan permasalahan era digital yang dikenali sebagai 'digital drug'. Kajian itu juga mendapati bahawa purata penggunaan internet rakyat Malaysia adalah selama enam jam sehari di mana 93.1 peratus pengguna mengakses melalui telefon pintar.

Amalan yang tidak sihat ini pastinya membimbangkan semua pihak dan mendedahkan rakyat negara ini dengan pelbagai jenayah siber. (Sumber Astro Awani, Nov 2019).

Antara punca penyalahgunaan media sosial adalah ianya dianggap pusat sosial yang interaktif, sebagai tempat hiburan secara percuma, tidak mendapat perhatian keluarga, pengaruh rakan sebaya dan tekanan realiti kehidupan.

Selain itu, obses terhadap media sosial ini juga memberi kesan negatif terhadap fizikal dan psikologi.

## KESAN NEGATIF - FIZIKAL

### Penglihatan:

- Merosot dan rabun

### Postur Badan:

- Posisi badan mereka yang leka bermain telefon pintar boleh memberi tekanan kepada tulang belakang. Antara gejalanya kecederaan saraf, otot cedera, sakit belakang dan sebagainya. Penggunaan jari dan keadaan tangan yang menyebabkan otot pada pergelangan tangan merasa sakit. Pergerakan yang tidak natural jika dilakukan berulang-ulang boleh menyebabkan tekanan pada pergelangan tangan.

### Berat Badan:

- Penggunaan telefon pintar yang berlebihan boleh menyebabkan kekurangan berat atau obesiti. Ada pengguna yang terlalu leka hingga lupa makan dan minum. Ada juga pengguna yang mengamalkan makan sambil leka menggunakan telefon dan akhirnya tanpa sedar telah makan melebihi kalori sepatunya. Maka berlakulah obesiti.

### Kualiti Tidur:

- Penggunaan telefon bimbit tanpa kawalan ini juga boleh menyebabkan sukar tidur, mengantuk, lesu dan pening kepala yang akhirnya kualiti kehidupan terjejas.

## KESAN NEGATIF - PSIKOLOGI

**EMOSI:** Suka marah, membantah, merengek & agresif

**SOSIAL:** Gemar bersosial secara alam maya berbanding bersosial secara fizikal

**DEMENTIA DIGITAL:** Ingatan yang lemah & sukar fokus

**KESIHATAN MENTAL:** Stress, anxiety, depression & cedera diri & bunuh diri

Walau bagaimanapun, rawatlah sebelum terlambat. Pelbagai agensi boleh membantu bagi proses pemulihan lebih lagi jika ia semakin parah sehingga melibatkan jenayah dan masalah sosial.

## PROGRAM & RAWATAN & PEMULIHAN

1

### PROGRAM PSIKOPENDIDIKAN

- Webinar, Kempen Seminar
- Poster & Info Grafik Kesedaran
- Ceramah (Komuniti & Sekolah)

2

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA: di kilinik kesihatan dan hospital menyediakan rawatan berkaitan Psikiatri, Psiko logis dan Kaunselor

3

### JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: Perkhidmatan Sesi Kaunseling

4

### MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

- juga membantu proses pemulihan melalui:
- Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan yang berperanan menguruskan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, dan kaunseling kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial dan akidah,
  - Pusat pemurnian akidah Baitul Iman menyediakan perkhidmatan bimbingan & kaunseling kepada individu serta kumpulan islam yang memerlukan pemulihan akidah.

Kesimpulannya, melayari media sosial tidak salah, namun perlu dilengkapi dengan adap dan etikanya. Elakkan bertuankan media sosial sehingga mengawal kehidupan dan akal fikiran. Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Bersamalah berganding bahu agar penggunaan media sosial ini sentiasa berada di landasan yang benar dan tidak terjebak dengan gejala sosial dan jenayah siber yang memberi kesan tidak baik terhadap kesejahteraan kehidupan. **Edisi**

# PENGARUH PEMPENGARUH DALAM MASALAH RUMAH TANGGA



Oleh: Ustazah Mariam Binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)  
Penolong Pengarah Penyelidikan, JAIS



**S**ebuah kajian Universiti Kebangsaan Amerika Syarikat mendapati 66% orang dewasa dalam hubungan perkahwinan melaporkan bahawa telefon pintar dan laman media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka.

Perkembangan zaman dari masa ke semasa mengakibatkan banyak perubahan hidup dalam masyarakat disebabkan kemajuan teknologi yang begitu pesat. Pelbagai jenis rangkaian media sosial di internet telah menimbulkan pelbagai impak yang mempengaruhi tingkah laku individu dalam masyarakat.

Media sosial merupakan salah satu medium komunikasi yang memudahkan serta mempercepatkan proses interaksi di antara manusia pada masa kini. Media sosial yang popular digunakan oleh masyarakat zaman sekarang adalah seperti *YouTube*, *Facebook*, *Twitter*, *WhatsApp*, *Instagram* dan *Tik Tok*.

Kemunculan platform sedemikian telah mewujudkan golongan yang digelar sebagai pembuat kandungan (*content creator*) atau pempengaruh media sosial (*social media influencer*) yang berkongsi pelbagai isi kandungan media berbentuk gambar dan video. Oleh kerana setiap tontonan memberi keuntungan dalam bentuk wang ringgit kepada *content creator*, mereka sentiasa berlumba anta satu sama lain untuk meraih ratusan ribu malah jutaan pengikut dalam media sosial masing-masing.

Jika dilihat kini, ada dalam kalangan pembikin kandungan cuba menarik lebih banyak pengikut dengan memuat naik video yang kurang enak dipaparkan kepada umum malah ada antara isi kandungan mereka menjasakan moral masyarakat. Ada dalam kalangan mereka mengambil jalan pintas dengan memuat naik gambar dan video yang bertentangan dengan nilai murni, adat dan budaya Malaysia yang berakhlik dan beradab.

Orang ramai berkongsi kehidupan terbaik mereka di media sosial, jadi pasangan kadangkala membandingkan kehidupan duniaawi mereka dengan kehidupan orang lain yang menarik, yang boleh mencipta perbandingan yang merosakkan. Perbandingan sosial negatif atau ketakutan terlepas (FOMO) ialah idea bahawa orang lain mempunyai masa yang lebih baik atau lebih berjaya daripada anda (daripada perkara yang anda boleh lihat dalam kehidupan dalam talian mereka). Tanggapan ini boleh memberi kesan kepada kesihatan mental kita dalam beberapa cara. Perasaan iri hati dan rendah diri kerana apa yang orang lain siarkan di media sosial dikaitkan dengan kemurungan yang semakin teruk dan penurunan kesejahteraan keseluruhan.

Satu kajian yang diterbitkan dalam *Computers in Human Behavior* mendapati hubungan antara penggunaan media sosial dan penurunan kualiti perkahwinan dalam setiap model yang dianalisis. Hasil kajian meramalkan bahawa orang yang tidak menggunakan media sosial adalah 11 peratus lebih bahagia dalam perkahwinan mereka berbanding orang yang kerap menggunakan media sosial.

Salah satu kesan terhadap masyarakat ialah retaknya hubungan suami isteri dalam rumah tangga. Oleh kerana *content creator* telah mempengaruhi cara fikir dan cara hidup masyarakat, kebanyakan suami isteri pada hari ini obses dengan *content creator* atau *influencer* yang sentiasa berusaha untuk meyakinkan pengikut mereka untuk mengikuti apa yang mereka katakan di media sosial.

Faktor yang mendorong peningkatan kadar perceraian adalah pelbagai dan salah satu darinya adalah disebabkan terlalu banyak masa menggunakan alat media sosial. Isu berkaitan dengan kemelut media sosial dengan kes perceraian sering menjadi perdebatan di kalangan masyarakat pada hari ini.

Berikut beberapa kaitan yang mungkin terjadi:

## PENGARUH GAYA HIDUP:

*Influencer* sering kali mempromosikan gaya hidup tertentu, termasuk produk-produk, destinasi liburan, atau aktiviti tertentu. Pasangan yang terpengaruh oleh hal ini mungkin merasa tertekan untuk mencocokkan atau meniru gaya hidup yang dianggap ideal.

## WAKTU YANG DIHABISKAN DI MEDIA SOSIAL:

Jika salah satu pasangan atau keduanya menghabiskan terlalu banyak waktu di media sosial untuk mengikuti *influencer*, hal ini bisa merugikan hubungan. Kurangnya interaksi langsung dan perhatian pada pasangan dapat menjadi masalah.

## KONFLIK NILAI:

Apabila satu pasangan memiliki nilai-nilai yang berbeza dengan nilai-nilai yang dipromosikan oleh *influencer*, ini bisa menjadi sumber konflik. Misalnya, jika satu pasangan ingin hidup sederhana sementara yang lain tergoda oleh konsumsi berlebihan.

## KETENTERAMAN HUBUNGAN:

Memaparkan aspek peribadi kehidupan pasangan seperti *influencer* boleh mempengaruhi privasi dan ketenteraman hubungan. Pasangan perlu menghadkan batas-batas yang sesuai dalam berkongsi kehidupan peribadi dimedia sosial.

Pertengkaran antara suami dan isteri juga boleh terjadi apabila masing-masing menegakkan pendapat yang diajar atau disarkan oleh *influencer* sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Selain itu, kebanyakan suami atau isteri akan melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pasangan selepas menonton cara hidup *influencer* yang dipaparkan di media sosial.

Fenomena ini memberi cabaran kepada umat Islam untuk mengurangkan kadar perceraian yang melibatkan media sosial. Menurut statistik, dalam tempoh enam tahun lalu, sebanyak lebih 274,000 pasangan Islam di Malaysia bercerai dan ini sekaligus menimbulkan kerisauan mengenai institusi keluarga Islam di Malaysia. Melihat kepada rekod di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia juga turut mendedahkan bahawa sebanyak 38,035 pasangan yang bercerai sepanjang tempoh Januari hingga Ogos tahun lalu.

Berdasarkan statistik ini, dikatakan bahawa secara puratanya sebanyak 156 kes perceraian berlaku pada setiap hari atau enam kes pada setiap jam. Selain daripada itu, statistik perceraian pasangan Islam dalam tempoh lima tahun lalu juga menunjukkan bahawa peningkatan yang begitu drastik sekali iaitu daripada 43,749 kes pada 2011 kepada 53,870 kes pada 2014, naik sebanyak 10,121 kes.

Langkah-langkah yang diambil ialah mendapatkan kaunseling atau khidmat nasihat perkahwinan amat rendah terutama yang berdepan dengan masalah. **Edisi**

# MASJID DI RAJA SELANGOR



Oleh: En. Mohd Hafiz Bin Abdul Salam ([hafizsalam@mais.gov.my](mailto:hafizsalam@mais.gov.my))  
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

**P**enetapan suatu masjid sebagai masjid kariah atau masjid pengurusan merupakan hak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (Negeri Selangor) Tahun 2003 yang bertujuan untuk menaiktaraf pengurusan masjid di Negeri Selangor. Oleh kerana itu, di peringkat pelaksanaannya terdapat beberapa kategori masjid yang diklasifikasikan sebagai masjid pengurusan iaitu :

- 1 Semua Masjid Diraja
- 2 Semua Masjid Daerah
- 3 Sebahagian masjid kariah yang menghadapi masalah serta konflik dengan ahli kariah.

Bagi kategori Masjid Diraja, terdapat 9 Masjid Di Raja yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor iaitu:

## MASJID DIRAJA SULTAN ALA'EDDIN

Masjid Ala'eddin atau 'Masjid Sultan Alauddin' atau 'Masjid Bandar' terletak di Kampung Bandar, Jugra, Kuala Langat, Selangor, Malaysia. Ia terletak berhampiran dengan Sungai Langat dan Kampung Pasir Jugra. Masjid ini mula dibina seawal 1900 dan dirasmikan pada 18 Jun 1924.

## MASJID DIRAJA SULTAN SULEIMAN

Masjid Diraja Sultan Suleiman ini terletak di Bandar Klang dengan usianya yang menjangkau 90 tahun. Seni binaanya yang bercirikan Moghul dengan pengaruh seni bina Islam Moorish dan Inggeris yang direka khas oleh arkitek, L. Keste Ven menjadikan ia lain daripada yang lain. Ia telah dirasmikan pada 22 Jun 1933 oleh Sultan Selangor kelima, Almarhum Sultan Sir Alauddin Sulaiman Shah (1898-1938). Masjid ini juga pernah diiktiraf sebagai masjid negeri Selangor sebelum Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam dibina.

## MASJID JAMEK JAMA'IYAH

Masjid Jamek Jamaiyyah Morib merupakan sebuah Masjid Jamek yang terletak dalam daerah Kuala Langat, Selangor. Masjid ini telah dibuka secara rasminya pada 9 Mac 1957.

## MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (MASJID NEGERI)

Masjid Negeri Selangor Darul Ehsan yang dinama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah adalah sebuah masjid yang terletak di Shah Alam, Selangor. Perasmianya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan pada 11 Mac 1988.

## MASJID DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ

Masjid Diraja Sultan Abdul Aziz adalah sebuah masjid yang terletak di Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah, Pelabuhan Klang. Masjid ini telah dibina dan dibiayai sepenuhnya oleh Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Masjid yang dirasmikan oleh Almarhum sendiri pada 5 Mac 1999 mempunyai binaan yang berbentuk ala timur tengah di mana terdapat kubah besar di atas bumbung dan dua lagi kubah di setiap penjurunya.



MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (MASJID NEGERI)



MASJID DIRAJA SULTAN SULEIMAN



MASJID ISTANA DIRAJA

## MASJID ISTANA DIRAJA

Masjid Istana Diraja adalah sebuah masjid yang terletak di dalam Kawasan Istana Alam Shah, Klang. Pembinaan masjid ini menelan kosnya sebanyak RM9 juta. Konsep masjid telah dilhamkan dan dibiayai sepenuhnya oleh baginda Sultan Selangor. Masjid ini sebahagian daripada Istana Alam Shah. Masjid ini dibuka secara rasminya pada 1 Jun 2011.

## MASJID DIRAJA TENGKU AMPUAN JEMAAH

Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah atau Masjid Bukit Jelutong ini diberi nama sempena nama Permaisuri Sultan Selangor, Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah iaitu Almarhumah Tengku Ampuan Jemaah dari Selangor. Baginda juga merupakan Raja Permaisuri Agung kedua Malaysia. Pembinaan masjid ini bermula dari tahun 2010 sehingga 2012 dan telah dibuka secara rasminya pada 16 Mac 2013.

## MASJID DIRAJA HAJI FI SABILILLAH

Masjid Raja Haji Fi Sabilillah di Cyberjaya, Sepang, Selangor menjadi masjid pertama di Malaysia menerima sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI) dengan penarafan platinum. Nama masjid Raja Haji Fi Sabilillah diambil sempena adinda Raja Lumu iaitu Sultan Selangor pertama, Sultan Salehuddin (1756 - 1777). Masjid yang dibina dengan kos pembinaan RM44.3 juta itu turut menjimatkan tenaga elektrik dalam pengurusan lampu masjid. Ia telah dibuka secara rasminya pada 22 Jun 2016.

## MASJID RAJA LUMU

Masjid Raja Lumu ini terletak di Bukit Malawati, Kuala Selangor. Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah memberi perkenan dengan mengiktiraf Masjid Raja Lumu yang telah dinaik taraf dengan kos keseluruhan berjumlah RM10.4 juta sebagai Masjid Diraja yang kesembilan di negeri ini pada 6 Oktober 2022. Masjid Raja Lumu dipilih sempena nama Raja Lumu yang merupakan Sultan Selangor pertama, dikenali sebagai Sultan Salehuddin Shah yang memerintah dari tahun 1766 hingga 1782. Raja Lumu ditabalkan sebagai Sultan Selangor di Kuala Selangor dan bersemayam di atas Bukit Malawati yang dahulunya dikenali sebagai Bukit Selangor.

Semua urusan dan pengurusan berkaitan masjid dan surau di Negeri Selangor adalah di bawah bidangkuasa Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid Dan Surau Negeri Selangor (JATUMS) yang diwujudkan bagi mewakili MAIS bagi menunaikan tanggungjawab, kewajipan atau perjalanan kuasa-kuasa MAIS mengikut Seksyen 27 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 Pindaan 2016. JATUMS ini dikawal selia oleh Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor. **Edisi**

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



## MAIS Lancar Pelan Anti Rasuah, Bentuk Warga Kerja Berintegriti Tinggi

**JANUARI 2024** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melancarkan Pelan Anti Rasuah khusus untuk membentuk warga kerja bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Pelancaran pelan anti rasuah itu disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi MAIS dalam Majlis Perutusan Pengerusi MAIS Tahun 2024. [Edisi](#)



## MAIS Prihatin Mangsa Banjir Di Negeri Terengganu Dan Kelantan

**JANUARI 2024** – Prihatin dengan nasib mangsa banjir yang terjejas di negeri Terengganu dan Kelantan dalam insiden bulan Disember 2023 yang lalu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tampil menyumbangkan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM280,000.00 bagi menyantuni mangsa-mangsa yang terkesan akibat banjir. [Edisi](#)



## MAIS Bekerjasama Dengan 298 Rakan Strategik

**FEBRUARI 2024** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bekerjasama dengan 298 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFMS) bagi membantu menyampaikan sumbangan fidyah MAIS terus kepada mereka yang memerlukan dengan menggunakan perurutan fidyah secara efisien, menyeluruh dan menepati golongan penerima. [Edisi](#)



## Agihan Fidyah MAIS Tahun 2024 Berjumlah RM87,639 Diagih Kepada 393 Penerima Yang Layak

**FEBRUARI 2024** – Sumbangan fidyah melibatkan dua daerah dengan jumlah 393 orang penerima barang kotak makanan kering dengan nilai RM 87,639.00 yang layak menerima bantuan fidyah MAIS berupa set makanan kering seperti Beras, Minyak Masak, Bihun, Gula, Tepung Gandum, Kicap Manis, Sardin dan Susu Pekat Manis. [Edisi](#)

## MAIS Serah Sumbangan RM3 Juta Kepada 21 Penerima Mangsa Banjir

**MAC 2024** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan banjir berjumlah RM3 juta kepada 21 penerima yang terkesan dengan banjir di Negeri Selangor hasil manfaat sumbangan dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam Majlis yang dikenali sebagai Sentuhan Kasih MAIS bersama MAIWP. [Edisi](#)



## MAIS Peruntuk Dana RM600,000 Setahun, Bantu Anak Yatim

**MAC 2024** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan dana sumbangan RM600,000 bagi tahun 2024 dalam membantu kebajikan anak-anak yatim di seluruh negeri Selangor. [Edisi](#)

Sumber : Jabatan Mufti Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor



## Lawatan Sambil Belajar Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Ke Jabatan Mufti Negeri Selangor

**JANUARI 2024** - Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) telah menerima lawatan daripada delegasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang bertempat di Jabatan Mufti Negeri Selangor, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



## Karnival Pendidikan ERA IR4.0

**MAC 2024** - Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah memenuhi jemputan Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang dalam program Karnival Pendidikan ERA IR4.0 bertempat di Perkarangan Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang. [Edisi](#)



## JAKESS Mematerai Memorandum Persefahaman Bersama UIS Dan Sertai Forum Industrial Talk

**JANUARI 2024** - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) mematerai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Universiti Islam Selangor (UIS) dalam majlis Simbolik yang diadakan di Auditorium Dr. Zainudin Jaafar. [Edisi](#)



## MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)  
(Diamond)

*Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023*

## JAKESS Terima Pengiktirafan DIAMOND Bandar Rendah Karbon 2023

**FEBRUARI 2024** - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menerima Pengiktirafan DIAMOND selaku Rakan Kongsi Rendah Karbon dalam Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023. Pengiktirafan dianugerahkan keatas Bangunan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang telah berjaya mengurangkan pelepasan Gas Rumah Kaca sebanyak 14.51 peratus sejak tahun 2017 bersamaan dengan 104.97 tCO2eq. [Edisi](#)

## JPSS Berikrar Tolak Rasuah

**JANUARI 2024** - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) telah mengadakan Majlis Ikror Bebas Rasuah (IBR) Tahun 2024 yang bertempat di Dewan Kuliah Sakinah, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



## Program Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadhan & Jom Exchange Al-Quran (JEQ)

**MAC 2024** - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) bersama Pertubuhan Kebajikan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (BAKEP) telah mengadakan Program Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadhan dan Jom Exchange Al-Quran (JEQ) dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri (PK, KDN), Negeri Selangor. [Edisi](#)



Sumber : **Jabatan Agama Islam Selangor**



## Seminar Pengukuhan Akidah Islam

**JANUARI 2024** – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan Seminar Pengukuhan Akidah Islam dengan kerjasama INTEC Education College Shah Alam (INTEC). Seminar ini diadakan dengan matlamat agar pelajar-pelajar INTEC mendapat kefahaman mengenai akidah Islam sebenar, mendapat penjelasan mengenai prinsip-prinsip akidah Islam yang sebenar serta mendapat kesedaran agar memelihara dan menjaga akidah Islam. [Edisi](#)



## STANCO Agama Islam Tetapkan Hala Tuju 2024

**FEBRUARI 2024** - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Agama Islam Bil.1 Tahun 2024 telah diadakan di ibu pejabat Jabatan Agama Islam Selangor, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, Exco Agama Islam & Pembudayaan Inovasi Negeri Selangor ini membincangkan hala tuju pengurusan agama Islam di Negeri Selangor untuk tahun 2024. [Edisi](#)



## Penutupan Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1445H / 2024M

**MAC 2024** – Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenaan menyempurnakan Penutupan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1445H/2024M mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. [Edisi](#)



Sumber : **Perbadanan Wakaf Selangor**



## Sumbangan Wakaf Tunai Dan Ziarah Mahabbah PWS Ke SRA Bandar Utama, Batang Kali

**JANUARI 2024** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menyerahkan sumbangan Wakaf Tunai berjumlah RM50 ribu kepada Sekolah Rendah Agama Bandar Utama, Batang Kali, Hulu Selangor. [Edisi](#)




## PWS Menyampaikan Taklimat Wakaf Kepada Kakitangan Northport Malaysia Berhad

**FEBRUARI 2024** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dengan kerjasama Northport (M) Berhad telah mengadakan program Taklimat wakaf kepada kakitangan bertempat di CBM Hall Northport (M) Berhad. [Edisi](#)



## Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) Perkenalkan Kaedah Wakaf Melalui Direct Debit, Mempermudahkan Masyarakat Berwakaf

**MAC 2024** – Bagi memperkasakan kutipan Wakaf Tunai pada tahun ini, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah memperkenalkan kaedah terbaru bagi memudahkan orang ramai atau masyarakat melaksanakan ibadah Wakaf iaitu Direct Debit InfaqPay. [Edisi](#)



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Sumber : Universiti Islam Selangor



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



## 413 Panel Farmasi Mudahkan Penerima Bantuan Perubatan LZS

JANUARI 2024 - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melantik sejumlah 413 panel farmasi di seluruh Selangor bagi memudahkan penerima bantuan perubatan mendapatkan bekalan keperluan perubatan yang diperlukan. [Edisi](#)



## DYMM Sultan Selangor Perkenan Terima Zakat Perniagaan RM10.8 Juta

MAC 2024 - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menerima zakat perniagaan berjumlah RM10,790,760.00 daripada empat syarikat korporat dalam satu program serahan zakat sempena Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat. [Edisi](#)



## Majlis MOA UIS Bersama Pertubuhan PERKIM Membangun Muallaf Sebagai Pendakwah

JANUARI 2024 - Universiti Islam Selangor (UIS) menandatangani sebuah Memorandum Perjanjian (MOA) dengan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bertujuan untuk melaksanakan penyelidikan bertajuk "Pembangunan Model Pembentukan Muallaf Profesional Sebagai Pendakwah". [Edisi](#)



## Majlis Berbuka Puasa Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Bersama Warga UIS

MAC 2024 - Majlis Berbuka Puasa bersama YB Datuk TS. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia bersama delegasi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah berlangsung dengan jayanya. YBrs. Dr. Abdul Razif bin Zaini, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang mewakili Naib Canselor UIS meraikan kehadiran pegawai-pegawai di majlis yang diadakan di Dewan Senat dan Masjid Al-Azhar UIS. [Edisi](#)



## Anak Yatim Seliaan YIDE Cipta Nama Di Kejohanan Naga Sakti Malaysia, Junior Silat Championship League 1st Series Peringkat Negeri Selangor

FEBRUARI 2024 - 3 orang anak yatim daripada Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras seliaan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menempa nama masing-masing dalam Kejohanan Naga Sakti Malaysia, Junior Silat Championship 1st Series Peringkat Negeri Selangor yang berlangsung di Stadium MBSJ, Serdang Jaya. [Edisi](#)



## Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2024/1445H Kepada Anak-Anak Yatim Di Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Bersama D.Y.T.M Raja Muda Selangor

MAC 2024 - YIDE teruskan tradisi tahunan dengan menyantuni anak-anak yatim di negeri Selangor melalui Majlis Sumbangan Hari Raya Bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. [Edisi](#)



# JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

## (Siri 1/2024)



Oleh: Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid  
 (hamizul@zakatselangor.com.my)  
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,  
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**A**ssalamu'alaikum wrt. Apa khabar semua? Kaifahalukum Jamian? Pada sesi Bahasa Arab Mudah Siri 1 / 2024 kali ini, kita akan sama-sama mempelajari beberapa kalimah hikmah dalam Bahasa Arab. Ia boleh kita gunakan sehari-hari sebagai basahan dengan di selang-selikian bersama-sama Bahasa Melayu. Misalnya, apabila kita memberikan nasihat kepada anak-anak, teman-teman, murid-murid mahu pun sesiapa sahaja, maka kita boleh menyelitkan kata-kata hikmah yang amat bermakna ini. Jom, sama-sama kita gunakan ya!

Kata hikmah pertama:

مَنْ جَدَ وَجَدَ
Transliterasi Melayu: Man-jadda-wa-jada.
ERTINYA: "Sesiapa yang bersungguh-sungguh (melakukan sesuatu), dapatlah dia (hasilnya)".

Contoh situasi: "Wahai anakku, ayah tahu peperiksaan ini sangat berat. Namun ingatlah, kejayaan pasti akan datang kepada orang-orang yang bersungguh-sungguh. 'Man-jadda-wa-jada', sesiapa yang bersungguh-sungguh, dapatlah dia hasilnya, insya-Allah."

Kata hikmah kedua:

مَنْ صَبَرَ ظَفِيرَ
Transliterasi Melayu: Man-sobara-zafira.
ERTINYA: "Sesiapa yang sabar, beruntunglah dia."

Contoh situasi: "Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, memang banyak ujian dan rintangannya. Namun itu semua menjadi ramuan yang akan menmatangkan kita dalam kehidupan. Kelak, ketika kita sudah berjaya, kita tidak mudah lupa diri. Selain itu, sifat sabar sangat ditutut, bak kata pepatah Arab, 'Man-sobara-zafira' yang ertiinya, sesiapa yang sabar maka dia akan beruntung. Maka, jadilah orang yang sabar dalam perniagaan."

Kata hikmah ketiga:

الْوَقْتُ أَهْمَنُ مِنَ الْذَّهَبِ
Transliterasi Melayu: Al-waqtu-athmanu-minal-zahab.
ERTINYA: "Waktu itu lebih mahal daripada emas."

Contoh situasi: Cikgu muah kamu semua menjaga masa dengan baik. Manfaatkan setiap kesempatan untuk berbuat kebaikan. Rajin baca buku. Rajin bantu ibu ayah. Rajin ibadah. Baca al-Quran dan persiapkan diri untuk masa hadapan. Ingat, orang yang terlepas satu saat sekali pun, ia tidak akan dapat diulang lagi. Seperti mana kata pepatah Arab, 'al-waqtu-athmanu-minal-zahab', yang maknanya, waktu itu lebih mahal daripada emas.

Baiklah, semoga apa yang kita pelajari ini dapat memberikan kebaikan kepada kita, amin. **Edisi**

# SIRI BELAJAR JAWI

## (SIRI KETIGA PULUH SEMBILAN)

أوليه : نورانينا بنت عبد الرحمن  
 منشي ديوان (جاوي)

"هوموکرف ڦاسُخن کات ملایو جاتی توغُکل دان برايمبوهن"

ڦد ميٺکو اين کيت ممبچاراكن تاجوڻ هوموکرف ڦاسُخن کات ملایو جاتی توغُکل دان برايمبوهن. تردافت ڦركاتاءن بهاس ملایو يڻ منجادي هوموکرف افابيلا منزما ايڻو.

1- ڦاسُخن کات ملایو جاتی توغُکل دان برايمبوهن.  
 ڦاسُخن هوموکرف اين ترجادي کران قاعده ايجاءن جاوي ايت سنديري. چونتوهڻ:

کات ملایو جاتی توغُکل	کات ملایو جاتی برايمبوهن		
مرکه	merekah	مرکه	markah
دهولو	di hulu	دهولو	dahulu
منتٺ	menetap	منتٺ	mantap
سمبيلن	sambilan	سمبيلن	sembilan
مریک	(reka) mereka	مریک	mereka

2- تردافت جوڻ ڦاسُخن کات ملایو جاتی دان کات ڦينجمن يڻ منجادي هوموکرف افابيلا منزما ايڻو. چونتوهڻ:

کات ڦينجمن	کات ملایو جاتی		
ڊاؤلي (diawali)	اول (awal)	ڊاؤلي (diuli)	اولي (uli)



# INSTITUSI TAHFIZ DI NEGERI SELANGOR; SEJARAH PENUBUHAN, SUMBANGAN DAN HALA TUJU PITAS



Oleh: **Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)**  
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

**P**ersatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) adalah sebuah pertubuhan NGO Islam berperanan sebagai tempat rujukan, penghubung tara dan juru bicara penyampai bagi mewakili suara hati pendokong-pendokong Institusi Tahfiz Al-Quran persendirian di Negeri Selangor. PITAS telah ditubuhkan pada tahun 1999 dan didaftarkan pada 13 November 2003 di bawah ROS dengan nombor pendaftaran PPM-001-10-13112003. Menjadi ahli Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) di bawah Kluster Pendidikan Islam (KP4) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Keanggotaan PITAS berjumlah 478 buah maahad tahfiz adalah terdiri dari semua Institusi Tahfiz Al-Quran Persendirian telah berdaftar (403 maahad) dan sedang mendaftar dengan Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (BPI JAIS) dengan jumlah lebih 22,000 pelajar dan 4,000 guru.

Visi PITAS ialah Menerajui Pembangunan Pendidikan Tahfiz Rabbani, manakala misinya pula memperkasa institusi tahfiz menerusi program yang terancang, sistematik, syumul dan terkini.

Bagi merealisasikan hasrat ini, PITAS menyediakan perkhidmatan sebagai pusat maklumat, perunding dan melaksanakan program dan aktiviti yang akan memberi manfaat kepada seluruh ahli. Mewakili persatuan dalam sebarang perbincangan, dialog dan taklimat dengan pihak kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dalam memartabatkan pendidikan tahfiz. PITAS pernah menerima Anugerah Maal Hijrah Selangor kategori Badan Dakwah & Sukarela 1433 Tahun 2011 serta Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor kepada Pengurus PITAS tahun 2022.

PITAS sentiasa berperanan dan menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Negeri Selangor, MAIS, Lzs, JAIS, JAKIM dan JPK di peringkat Persekutuan. Justeru itu, Pengurus PITAS dilantik menjadi salah seorang Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam Dan Tahfiz (JPIT), Jawatankuasa, Jawatankuasa Pemandu Tahfiz Al Quran Negeri Selangor, Jawatankuasa Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, Jawatankuasa Akreditasi Tahfiz (JAT) dan Jawatankuasa Pembangunan Tahfiz TVET, Kementerian Sumber Manusia untuk membawa suara bagi memperkasakan dan memartabatkan institusi tahfiz di negara ini.

PITAS terlibat bersama 12 buah PBT di bawah Kerajaan Negeri dalam membina Garis Panduan Program Pemutihan Institusi Tahfiz supaya institusi tahfiz memiliki Sijil Layak Menduduki Bangunan dari PBT dan mendapat Sijil Pendaftaran Penuh dari BPI JAIS. Selain itu PITAS memperjuangkan bantuan kepada pelajar tahfiz melalui Dermasiswa Huffaz Selangor dari Lzs, Ithbat Hafazan JAIS dan mengiktiraf sijil Syahadah PITAS melalui Akademi Literasi Al Quran Selangor, Program Fast Track SPM Huffaz Selangor anjuran Kerajaan Negeri dan membina Kurikulum Moderasi Huffaz Selangor bersama BPI JAIS.

PITAS sentiasa berusaha membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan perancangan Pelan Strategik 5 Tahun PITAS ke arah pendidikan dan pengurusan tahfiz secara profesional menjelang Tahun 2028 dapat dilihat kejayaannya. Sokongan pelbagai pihak khususnya pihak pemegang taruh dan kerajaan negeri amat diperlukan dalam mencapai impian dan harapan ini. Maklumat lanjut layari [www.pitas.com.my](http://www.pitas.com.my). Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**



**PITAS**

# 15 SOALAN ZAKAT FITRAH



Oleh: Ustaz Haji Muhamad Rafee Bin Rahman (rafee.raheen@zakatselangor.com.my)  
Eksekutif Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor



## 1 Apakah yang dimaksudkan zakat fitrah?

Zakat Fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan Muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

## 2 Apakah hikmah menunaikan zakat fitrah?

- a) Membuang sifat kedekut dan unsur-unsur bakhil
- b) Menguatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang
- c) Membantu menyelesaikan masalah pengangguran
- d) Mengutukkan institusi sesebuah anggota masyarakat
- e) Membersihkan hati dan sifat-sifat keji

## 3 Bilakah waktu membayar zakat fitrah?

### Waktu Wajib

Apabila terbenam matahari akhir Ramadhan sehingga terbit matahari satu Syawal.

### Waktu Afdal

Sebelum sembahyang Hari Raya

### Waktu Sunat

Sepanjang bulan Ramadhan

### Waktu Makruh

Selepas sembahyang hari raya sehingga terbenam matahari satu Syawal.

### Waktu Haram

Selepas terbenam matahari satu Syawal.

## 4 Saya asnaf fakir miskin. Adakah saya wajib bayar zakat fitrah?

Ya, sekiranya ada makanan untuk malam raya dan pagi raya untuk diri dan keluarga, maka wajib keluarkan zakat fitrah menggunakan harta yang ada. Itu syarat kemampuan dalam kewajipan zakat fitrah. Sekiranya tidak mampu, maka tidak wajib untuk membayarnya.

## 5 Adakah seseorang yang muflis perlu membayar zakat fitrah?

Mereka yang diisyiharkan sebagai muflis atau bankrap oleh pihak berkuasa wajib mengeluarkan zakat fitrah atas dirinya atau tangungannya jika dia memiliki harta melebihi keperluan makanan asasi pada malam dan pagi hari raya. Namun, sekiranya seseorang yang muflis itu tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain, mahupun harta maka dia tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah, bahkan dia berhak menerima zakat.

## 6 Jika ibu saya meninggal dunia sebelum azan maghrib akhir Ramadhan, apakah wajib zakat fitrah?

Tidak wajib kerana arwah hanya dapat hidup pada satu masa sahaja iaitu bulan Ramadhan dan tidak dapat hidup pada bulan Syawal walaupun sebentar.

## 7 Apakah hukum zakat fitrah bagi orang yang meninggal dunia dalam bulan Ramadhan?

Hukum zakat fitrah bagi orang yang meninggal dunia juga terbahagi kepada dua situasi.

**Pertama**, jika dia meninggal dunia setelah terbenamnya matahari pada akhir Ramadhan, kewajipan zakat fitrah pada si mati tidak gugur. Pelaksanaan zakat tersebut perlu diuruskan oleh waris.

**Kedua**, jika dia meninggal dunia sebelum terbenamnya matahari pada akhir Ramadhan, maka tidak diwajibkan zakat fitrah ke atasnya.

## 8 Bagaimana Dengan Zakat Fitrah Bagi Orang Gila?

Wali atau warisnya hendaklah menunaikan zakat fitrah bagi orang gila berkenaan. Jika tidak ada warisnya dan dia juga tidak mempunyai wang atau makanan seperti dalam syarat di atas, maka tidak wajib atasnya.

## 9 Bagaimana pula dengan zakat fitrah orang yang sudah nyanyuk, hilang akal atau koma yang tidak wajib berpuasa?

Dalam situasi ini, wali atau warisnya yang berhak mengeluarkan zakat fitrah ke atasnya. Jika dia seorang yang kaya, sebaik-baiknya diambil daripada hartanya sendiri untuk dikeluarkan zakat fitrahnya.

## 10 Bolehkah seorang anak membayar zakat fitrahnya sendiri walaupun masih dalam tanggungan bapa?

Secara asasnya, bapa hendaklah mengeluarkan zakat fitrah kepada anak-anak yang masih dalam tanggungannya. Ini melainkan kanak-kanak tersebut memiliki harta sendiri, maka ia boleh diambil dari harta tersebut. Namun, jika anak tersebut mahu membayar sendiri zakat fitrahnya, ia dibolehkan. Asalkan kanak-kanak tersebut mempunyai harta dan berkemampuan.

## 11 Apakah warga emas tanpa waris di rumah kebajikan wajib bayar zakat fitrah?

Ya, wajib bayar dan ia diambil daripada wang mereka sendiri. Jika mereka tidak ada kemampuan, maka tidak wajib bayar zakat fitrah. Pemilik rumah kebajikan tidak wajib keluarkan bagi pihak mereka kerana tiada pertalian nasab.

## 12 Apakah anak-anak yatim tanpa waris di rumah kebajikan wajib bayar zakat fitrah?

Ya, jika mereka mempunyai kemampuan seperti disebutkan dalam syarat di atas. Jika mereka tidak mampu, maka tidak wajib membayar zakat. Namun begitu, pihak pengurusan rumah anak yatim boleh membantu mengeluarkannya bagi pihak anak yatim tersebut.

## 13 Adakah anak perempuan yang bekerja perlu membayar zakat fitrah?

Anak-anak yang telah bekerja sendiri tidak kira sama ada lelaki mahupun perempuan, lebih berhak untuk mengeluarkan sendiri zakat fitrahnya. Tambahan, jika mereka ingin mengeluarkan zakat kepada ibu dan bapa mereka juga boleh. Cuma perlu memaklumkan sahaja kepada ibu bapa.

## 14 Adakah anak yang dilahirkan selepas bulan Syawal wajib membayar zakat fitrah?

Anak yang dikandung ketika Ramadhan dan dilahirkan selepas Syawal tidak diwajibkan membayar zakat fitrah kerana ianya dikira sebagai sunat muakkad sahaja. Ianya tidak diambil kira ketika bayi masih lagi dalam keadaan janin iaitu berada dalam rahim si ibu dan ini merupakan pendapat yang kuat, sebagaimana yang disebut oleh Dr Yusuf Al Qardawi di dalam kitabnya, Hukum Zakat.

## 15 Bagaimakah pembayaran zakat fitrah bagi anak angkat, anak yatim dan anak tiri?

Orang yang wajib menanggung nafkah itulah yang wajib membayarkan zakat fitrah. Maka, mereka yang wajib ialah mereka yang dinamakan sebagai wali nasab iaitu sedarah sedaging atau pun dikira sebagai penanggung nafkah iaitu bapa, datuk, bapa saudara dan sebagainya. **Edisi**

# VIRAL ZAKAT BERULANG!!!



Oleh: **Ustaz Salleh Bin Abdul Saha** ([salleh@mais.gov.my](mailto:salleh@mais.gov.my))  
Ketua Bahagian Dakwah dan Pemasaran, MAIS

**K**isah viral berkaitan kepayahan asnaf fakir dan miskin tidak mendapat agihan zakat acap kali berulang. Suatu ketika dahulu pernah diviralkan kisah seorang asnaf yang ingin mendapatkan duit bantuan lalu memohon di gereja dengan menulis nama pada sekeping borang dan paderi tersebut memberi wang bantuan. Ibaratnya sangat mudah untuk mendapat bantuan kewangan berbanding permohonan di pusat zakat yang banyak karenah birokrasi. Hakikatnya apabila membuat siasatan dan semakan, berita tersebut hanya sekadar khabar angin sahaja seolah-olah ingin memburukkan imej institusi zakat.

Apabila datangnya sesuatu berita yang tidak pasti, maka bertabayyun dahulu dengan mencari bukti dan kesahihan khabar berita tersebut. Dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan." (Surah Al-Hujurat : 6)

Ibn Kathir berkata: Allah memerintahkan agar kita benar-benar menyemak berita dari orang fasik dengan berwaspada seupaya tidak berlaku sebarang pendustaan dan kekeliruan. Kebanyakan ahli tafsir menyebut turunnya ayat ini kepada al-Walid bin Abi Mu'it ketika menjadi utusan Rasulullah untuk memungut zakat daripada Bani Mustaliq (Tafsir al-Quran al-'Azim. Muassasah al-Rayyan. 4/264).

Imam al-Syaukani berkata: yang dimaksudkan dengan tabayyun adalah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksudkan dengan tasabbut adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang datang, hingga menjadi jelas dan terang baginya.

Pemberitaan atau perkhabaran yang mudah diterima pada hari ini melalui *Facebook*, *WhatsApp*, *emel*, *twitter*, surat khabar, majalah atau sebagainya tidak pasti akan ketepatan dan kesahihan maklumat. Perkara ini amat penting bagi kita semua, kerana perkhabaran atau berita yang tidak mempunyai asas atau dalil, menjadikan kita hanya sebagai manusia yang diibaratkan seperti tin yang kosong, bunyinya kuat tetapi tidak mempunyai maklumat atau berita yang sia-sia sahaja.

## Empat langkah untuk memastikan penerimaan perkhabaran berita itu sahih iaitu:

- I. Melihat kepada sumber berita dan memperhalusinya.
- II. Bersikap cermat dalam menyebarkan berita inilah sikap yang sepautnya ada pada orang beriman.
- III. Mencari bukti atau petunjuk
- IV. Jika tidak pasti berita yang diterima, jangan Kongsi.

Justeru, sebelum kita menerima satu-satu berita atau ingin menyampaikannya maka pastikan dahulu keabsahan berita tersebut atau sesuatu kenyataan itu. Hakikatnya permainan dari sudut persepsi dan khabar angin yang ditelan bulat-bulat oleh yang tidak mempunyai maklumat yang secukupnya akan mengundang pelbagai petaka dan bahaya. Jika berita 'viral zakat' yang tidak benar ini tersebar, maka kutipan zakat akan berkurangan kerana hilang kepercayaan masyarakat dan akhirnya asnaf-asnaf terkesan terhadap kepalsuan berita tersebut. Oleh yang demikian, apabila menerima viral zakat tidak memberi bantuan kepada asnaf, maka buatlah semakan di Institusi Zakat untuk memastikan kesahihan berita tersebut. Pastinya institusi zakat di negeri masing-masing mempunyai maklumat atau data yang lengkap bagi asnaf yang layak menerima zakat. **Edisi**

Search | Berita Sahih



# WASIAKAN HARTA ANDA KEPADA YANG TERSAYANG

Daripada Abdullah bin Umar r.a., Rasulullah SAW bersabda:

‘Tidak sepatutnya seorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang ingin diwasiatkan tidur dua malam kecuali dia menulis wasiat di sisinya.’

(Riwayat Muslim)

Subseksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (negeri Selangor) 2003,

**“Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.”**

Fahami berkenaan wasiat di

<https://www.mais.gov.my/perkhidmatan-wasiat/>

*Jom wasiatkan harta  
anda melalui  
Majlis Agama Islam Selangor*

## HIBAHKAN HARTANAH ANDA SEKARANG

Firman Allah SWT yang bermaksud: ‘...Dan memberi harta yang dikasihinya kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan...’

(Surah Al-Baqarah: 117)

Fahami berkenaan hibah di

<https://www.mais.gov.my/hibah/>

*Jom hibahkan harta  
anda melalui  
Majlis Agama Islam Selangor*

### Permohonan hibah secara dalam talian

Pengesahan identiti pemohon menerusi Electronic Know Your Customer (EKYC)

Majlis Akad hibah adalah secara sidang video & tandatangan secara digital.

Permohonan dan kelulusan 100% secara dalam talian.



### MOHON SEKARANG

Layari <https://siswa.mais.gov.my>  
atau Scan QR Code



Maklumat lanjut, hubungi **03-5514 3773 / 3772** atau emel **pro@mais.gov.my**



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



maisgovmy



www.mais.gov.my

VIRAL KINI:  
VIRAL ZAKAT  
BERULANG!!!

Ms 18



Bayaran **ZAKAT PENDAPATAN**  
secara **BULANAN**  
kini lebih mudah melalui

## DIRECT DEBIT

✓ Terjamin ✓ Termudah ✓ Terurus

01



Anda hanya perlu mengimbas kod QR atau layari <https://www.zakatselangor.com.my/directdebit/>

02

Lengkapkan borang ansuran zakat bulanan melalui *direct debit*.

03

Baca terma & syarat yang dinyatakan dan [klik daftar sekarang](#).

[zakatselangor](#) | [zakatTV@youtube](#)

[www.zakatselangor.com.my](http://www.zakatselangor.com.my)

## PENGAMBILAN 2024 PASCASISWAZAH

TELAH DIBUKA

### Program Ijazah Sarjana (Kerja Kursus)

Ambilan Sesi I  
2023/2024

18 April 2024  
(Khamis)

Ambilan Sesi II  
2023/2024

29 Ogos 2024  
(Khamis)

Ambilan Sesi III  
2023/2024

9 Januari 2025  
(Khamis)

### Program Ijazah Sarjana (Penyelidikan) Ijazah Doktor Falsafah

Ambilan Mei  
6 Mei 2024  
( Isnin )

Ambilan September  
9 September 2024  
( Isnin )

### PROGRAM PENGAJIAN ASASI (SESI III 2023/2024)

- ✓ Fast Track
- ✓ Tajuan Matrikulasi UIS
- ✓ Minimum 5 *kepujian* SPM
- ✓ 4 daripada 6 program Asasi *tidak memerlukan Bahasa Arab*

20 APR 2024

DEWAN MAHASISWA UIS  
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

PERMOHONAN SECARA  
ATAS TALIAN MELALUI

[www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my)

Perlukan maklumat lanjut?  
Hubungi kami melalui Whatsapp  
segera di talian



019-715 8581



03-8911 7072 / 73